



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “MENGHAYATI BUDAYA BERILMU”

9 September 2022 / 12 Safar 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ<sup>1</sup>:

﴿أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤﴾

Bermaksud: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan Mu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah dan Tuhan Mu yang maha pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (Surah Al- ‘Alaq ayat 1-5)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan Nya dan meninggalkan larangan Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan Nya akan segala yang kamu kerjakan. (Surah al-Hasyr ayat 18)

Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “MENGHAYATI BUDAYA BERILMU”

Ilmu bermaksud pengetahuan, mengandungi fakta dan maklumat, serta bahan-bahan yang membuktikan kesahihan dan kebenaran. Ilmu itu laksana pelita hidup. Kata-kata hikmat tersebut menunjukkan ilmu menyinarkan cahaya untuk menerangi hidup kita, dan dapat menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna.

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Allah SWT mencipta manusia sebagai satu-satunya makhluk yang berupaya menimba pengetahuan melalui akal yang dianugerahkan. Setelah Adam AS diciptakan, Allah SWT mengajarkannya ilmu tentang nama-nama, sekali gus mengangkat martabat manusia mengatasi makhluk-makhluk lain kerana manusia dikurniakan kelebihan akal yang boleh berfikir, yang dikembarkan dengan hati nurani, lalu manusia diamanahkan berperanan sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi ini.

Sepanjang sejarah peradaban manusia, ilmu berperanan penting dalam membangunkan tamadun. Belum ada terbangunnya tamadun tanpa masyarakat berilmu, atau dalam masyarakat yang mengabaikan ilmu. Jatuh bangun sesuatu tamadun dipengaruhi dan ditentukan oleh tahap penguasaan ilmu dan sejauh mana ilmu itu dibudayakan dalam kehidupan masyarakat.

Budaya ilmu merujuk pada sikap masyarakat yang melazimkan kegiatan keilmuan pada setiap masa, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam hal ini, segenap lapisan masyarakat berupaya bertindak, merancang dan melaksanakan sesuatu perkara berdasarkan ilmu pengetahuan. Semakin bertambah ilmu, semakin dekat diri kita dengan Allah SWT. Ilmu merupakan cahaya untuk kita lebih merasai keesaan Allah SWT serta kuasa dan keagungan Nya. Para ilmuwan (ulama) itu diangkat darjat mereka kerana digolongkan oleh Allah SWT sebagai orang yang bertakwa berpandukan Firman Nya;

﴿... إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ﴾

Bermaksud: ...Sesungguhnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dalam kalangan hamba Nya hanyalah orang yang berilmu.. (Surah Fatir ayat 28)

### **Para tetamu Allah yang dimuliakan**

Berkata Ibnu Abbas RA, “Disuruh pilih pada Sulaiman bin Daud AS antara ilmu, harta dan kerajaan. Maka dipilihnya ilmu, lalu dianugerahkan kepadanya harta dan kerajaan bersama ilmu itu”. Diriwayatkan Abu Naim dari Anas, Nabi SAW bersabda yang bermaksud;

“Bahawa ilmu pengetahuan itu menambahkan mulia orang yang mulia dan meninggikan seorang budak sampai ke tingkat raja-raja”



Warga berilmu berupaya mengadunkan cara hidup yang rukun, harmoni dan saling menghormati dalam kalangan anggota masyarakat. Warga berilmu ialah warga yang berupaya berfikir secara berhikmah; matang dan bijak ketika membuat keputusan untuk kebaikan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Warga berilmu arif membezakan antara intan dengan kaca, kebenaran dengan pemalsuan, makruf dengan mungkar, serta kebenaran dengan penipuan. Oleh itu, masyarakat berilmu tidak mudah diperdaya, tidak mudah tertipu, dan tidak mudah disogok. Masyarakat berilmu akan mempamerkan sifat bersopan santun, berhemah, tidak melakukan kerosakan dan kemusnahan kepada alam, mensyukuri nikmat Illahi, dan lebih utama bijak memilih pemimpin atau melantik pemimpin agar tanggungjawab diserahkan kepada orang-orang yang berilmu, amanah, ikhlas lagi jujur.

Dalam usaha membudayakan ilmu, ummah wajib bersungguh-sungguh. Tidak seorang pun dilahirkan berilmu. Ilmu tidak datang dengan sendiri ibarat yang pipih datang melayang yang bulat datang bergolek. Ilmu itu diperoleh dengan belajar, dengan membaca, dengan melakukan kajian, ujian serta penyelidikan, dan ilmu diperoleh melalui latihan dan pengalaman. Menuntut ilmu adalah fardu dan dipandang mulia. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Bermaksud: Sesiapa yang mencari jalan untuk memperoleh ilmu nescaya Allah memudahkan jalannya menuju syurga. (Hadis Riwayat Ahmad)

### **Muslimin yang dikasihi,**

Bagi memupuk generasi yang menghayati ilmu, mimbar menyeru kepada enam perkara berikut:

**Pertama:** Menjinakkan dan mendekatkan anak-anak pada persekitaran dan dunia ilmu; dengan membawa anak-anak ke perpustakaan, ke kedai buku, ke muzium, ke pameran pendidikan, ke kampus maktab dan universiti, di samping menemani anak-anak menonton program di televisyen yang mengandungi ilmu seperti sains, sejarah, kehidupan haiwan, forum ilmiah dan lain-lain.



**Kedua:** Menjadikan sekolah taman ilmu yang berjaya menarik minat dan menyemaikan keyakinan pada setiap anak, dengan memberi pengiktirafan dan ruang pada setiap anak berpeluang mengembangkan bakat dan minat masing-masing hingga berjaya.

**Ketiga:** Mewujudkan suasana belajar berinteraksi secara dua hala antara guru dan murid bagi memupuk daya berfikir dan rasa berani murid mengajukan pandangan.

**Keempat:** Menganjurkan program yang dapat memperkayakan pelbagai cabang ilmu di masjid dan surau, termasuk menyediakan ruang bacaan dan tempat anak-anak boleh belajar, serta menganjurkan kelas bimbingan untuk membantu keupayaan anak-anak menguasai dan memahami ilmu.

**Kelima:** Memberikan hadiah dan cenderamata yang mempunyai nilai ilmu berbentuk buku, majalah, bahan perisian, atau lawatan ke tempat-tempat yang dapat menambahkan pendedahan ilmu pengetahuan.

**Keenam:** Menyemaikan dan mengamalkan semangat belajar sepanjang hayat kerana ilmu pengetahuan itu sangat luas laksana laut yang tidak akan kering sebanyak mana ditimba dengan mengambil ingatan kata-kata Imam Ibn Abdul Bari, “Kamu sentiasa menjadi alim selagi mana kamu menjadi pelajar, tetapi apabila kamu merasa ilmu kamu sudah cukup, kamu sebenarnya telah menjadi jahil”.

### **Sidang Jumaat yang dimulikan,**

Berdasarkan sumber maklumat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, satu pertiga daripada penduduk Pakistan telah ditenggelami banjir besar. Lebih 5.2 juta orang penduduk dilaporkan hilang tempat tinggal. Malapetaka yang menimpa bumi Pakistan merupakan ujian Ilahi, bukan sahaja kepada penduduk di Pakistan, tetapi adalah juga ujian Ilahi kepada manusia di seluruh dunia. Mimbar menyeru masjid, surau dan para jemaah, dengan penuh ikhlas, bersetuju sebahagian daripada kutipan tabung masjid dan surau pada hari ini, didermakan ke Tabung Bantuan Bencana dan Kemanusiaan. Semoga kita menunjukkan rasa insaf dan syukur kita yang tidak mengalami nasib sedemikian, dengan bermurah hati menghulurkan derma bagi membantu meringankan penderitaan yang dialami oleh saudara-saudara kita di Pakistan.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup>  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran



وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَآلِفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْتَهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, kurniai negara kami generasi yang bertakwa dan berilmu agar negara ini bertambah maju lagi makmur di bawah pimpinan hamba Mu yang berilmu serta berakhlak mulia.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin